

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAMAD

TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan *perangkaan kenderaan Thailand yang masuk melalui pintu masuk sempadan Kelantan-Thailand* dan sejauh mana JPJ menjalankan penguatkuasaan agar pemandu asing ini mematuhi peraturan-peraturan jalan raya.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan tugas penguatkuasaan di sempadan pintu masuk utama ke Negara, terutama di negeri-negeri yang mempunyai akses masuk melalui jalan darat termasuk sempadan negeri Kelantan-Thailand. Di bawah peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Peredaran Antarabangsa) 1967, kenderaan-kenderaan persendirian dari negara-negara asing dibenarkan kemasukan sementara ke dalam negara dan dikawal melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa (*International Circulation Permit - ICP*) oleh JPJ. ICP dikeluarkan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian negara asing dari Thailand dan Indonesia yang memasuki Malaysia melalui jalan darat.
2. Pada 2016 sebanyak 25,684 ICP, pada tahun 2017 sebanyak 41,046 ICP, pada tahun 2018 sebanyak 37,619 ICP dan sehingga Jun tahun ini sebanyak 18,461 telah dikeluarkan oleh JPJ kepada kenderaan Thailand yang masuk dan keluar ke Malaysia menerusi sempadan negeri Kelantan.
3. Dari segi penguatkuasaan pula, pihak Kementerian melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan notis JPJ (P) 22 untuk kesalahan yang berkaitan dengan tiada lesen pelawat dan tiada insurans (bagi lesen pelawat) kepada kenderaan dari Thailand yang melalui pintu sempadan Kelantan-Thailand. Jumlah notis saman terhadap dua jenis kesalahan melibatkan Permit Edaran Antarabangsa (ICP) yang dikeluarkan bermula dari 2015 sehingga Jun 2019 adalah sebanyak 13, 831 kes.

Sekian, terima kasih.